

TARIKH: 14/9/23.  
SURAT KHABAR: Berita Harian  
MUKA SURAT: 7.

BH Khamis, 14 September 2023

## Sidang Dewan Rakyat

# Syor gaji minimum RM2,000 pada 2030

## Cadangan strategi angkat golongan B40, hapus kemiskinan tegar

Oleh Muhammad Yusri Muzamir dan Fahmy A Rosli  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Wakil rakyat kerajaan mengesyorkan gaji minimum dinaikkan kepada RM2,000 menjelang 2030 bagi merealisasikan hasrat menaikkan upah bulanan median daripada RM2,600 kepada RM4,510.

Lim Guan Eng (PH-Bagan) berkata cadangan itu antara lain mampu muncul sebagai strategi keluar daripada perangkap pendapatan sederhana, mengangkat golongan B40 dan memartabatkan kumpulan M40 serta menghapuskan kemiskinan tegar.

Pengerusi DAP itu turut mengesyorkan untuk menaikkan siling dengan memotong cukai korporat kepada 20 peratus, manakala keuntungan bercukai pertama sebanyak RM1 juta bagi industri kecil dan sederhana (IKS) dikenakan pada tahap 15 peratus sahaja.

"Selain itu, membersihkan proses pengambilan pekerja asing supaya menjadi telus secara dalam talian, levi pelbagai peringkat tanpa had tenaga kerja dengan levi lebih tinggi untuk bilangan pekerja asing melebihi 100 orang.

"Kerajaan harus menggalakkan industri menggunakan kon-

sep *circular economy* (ekonomi kitaran) yang bukan sahaja tidak membazirkan sumber mentah dalam pengeluaran produk tetapi juga menjaga alam sekitar.

"Industri yang mengamalkan konsep *circular economy* harus diberikan tambahan insentif cukai serta potongan cukai korporat lima peratus lebih rendah daripada biasa, iaitu jika cukai korporat ialah 20 peratus, maka mereka hanya dikenakan 15 peratus sahaja," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sesi perbahasan usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) di Dewan Rakyat, semalam.

Sementara itu, Guan Eng berkata, industri pertumbuhan tinggi dan bernilai tinggi (HGHV) wajar diperhebat bagi menggalakkan penguasaan teknologi baharu, khususnya digital, dan juga memupuk semangat keusahawanan.

"Ini kerana, kejayaan negara maju turut berpandukan *entrepreneurial state* dan bukan hanya berdasarkan penguasaan teknologi semata-mata.

"Tak guna anda mengeluarkan barangan yang paling baik sekiranya anda tidak pandai memasarkannya," katanya.

### Cemar alam sekitar

Bekas Menteri Kewangan itu turut mempersoalkan berkaitan perlindungan alam sekitar bagi pemrosesan nadir bumi (REE), sekiranya eksport elemen REE mentah tidak dibenarkan.

"Adakah segala kawalan alam sekitar dapat menjamin kesela-

matan alam sekitar khususnya sumber air mentah? Malah, perlombongan REE untuk dieksport sahaja telah mencemarkan alam sekitar sehingga ikan berhampiran didapati mati apatah lagi bila pemrosesannya menimbulkan kesan lebih mudarat lagi.

"Adakah kerajaan memiliki rancangan baharu untuk menerima tenaga nuklear, jika pemrosesan REE dianggap lebih toksik, mencabar dan mudarat berbanding tenaga nuklear.

"Saya harap rundingan dan perbincangan yang teliti boleh diadakan dengan semua pihak dan pemegang taruh dalam perkara penting, membabitkan keselamatan negara dan kesihatan rakyat," katanya.

Guan Eng turut mencadangkan kerajaan persekutuan mempertimbangkan mewujudkan zon kewangan khas di Pulau Pinang yang memfokuskan wilayah utara seperti zon kewangan khas di Forest City, Johor.

"Pernah dilaporkan Pulau Pinang memberi sumbangan cukai negeri kepada hasil Persekutuan sebanyak RM10 bilion kebelakangan ini, terdapat juga laporan sebanyak 436 projek bernilai RM22.17 bilion diluluskan bagi Kelantan dan 511 projek dengan kos RM29.5 bilion untuk Pahang.

"Kita tidak membantah peruntukan yang diberikan tetapi kita harus membantu semua negeri dan saya berharap kerajaan persekutuan memberi pertimbangan kepada pembangunan di Pulau Pinang memandangkan negeri ini penyumbang eksport terbesar negara," katanya.